



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 9 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	POLICE PROBING INTO ALLEGED UPM DOG KILLINGS, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	NELAYAN HARAP TERNAKAN KERANG TIDAK DICEROBOH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	ASSOCIATION WANTS GOVT TO SAFEGUARD FISHERMEN'S WELFARE, NEWS, NEWS STRAITS TIMES, M/S – 6	
4.	PESTA FLORA KELANTAN 2025, TAMPIL PRINSIP PERTANIAN LESTARI, EKONOMI HIJAU DAN NILAI ISLAM, SG4: KELANTAN, HAKAKAH, M/S – 12	LAIN-LAIN
5.	KEPUASAN BERKUBANG 'MENGAGAU IKAN' IKAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 8	
6.	DURIAN BELANDA, DARI LAMAN RUMAH KE PASARAN KOMERSIAL, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 7	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2025	NEW STRAITS TIMES	NEWS	7

PUBLIC'S ASSISTANCE SOUGHT

Police probing into alleged UPM dog killings

KUALA LUMPUR: Police have launched an investigation into claims that Universiti Putra Malaysia had engaged a company to cull stray dogs on its campus.

Serdang police chief Assistant Commissioner Muhamad Farid Ahmad said the case was being investigated under Section 30(1) of the Animal Welfare Act 2015.

"On Oct 7 at 11.23am, a report was lodged by a 51-year-old Malay woman regarding her dissatisfaction with UPM, which allegedly hired a company to kill dogs," he said yesterday.

He reminded the public not to speculate on the issue as this could disrupt investigations.

Farid also urged members of

the public who had any information to assist in investigations by contacting the Serdang police headquarters operations room at 03-8074 2222 or any nearby police station.

On Oct 3, Association for the Protection of the Natural Heritage of Malaysia (Peka) vice-president Dr Kartini Farah Rahim

alleged that the university's Occupational Safety and Health Administration office had hired a pest control company to shoot and poison stray dogs on its campus.

Following that, UPM had expressed regret and pledged a full investigation into the allegations.

Nelayan harap ternakan kerang tidak diceroboh

PONTIAN: Kumpulan nelayan di Tampok Laut di sini berharap tidak lagi berlaku pencerobohan oleh mana-mana pihak ke kawasan ternakan kerang yang dikhususkan untuk nelayan di kawasan itu.

Pengerusi Komuniti Pakatan Nelayan Sungai Tampok Laut, Benut, Abdul Aziz Mohd. Nor, berkata, pihaknya telah diberikan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dari Pejabat Tanah Pontian bagi tanah berkeluasan 25 hektar dibawah projek kerang-kerangan.

Katanya, pihaknya juga telah membayar bayaran termasuk permohonan dan LPS berjumlah RM1,260 sebagai bukti kawasan tersebut telah menjadi milik 37 orang nelayan di Tampok Laut ini.

Oleh itu, Abdul Aziz, pihaknya berharap tiada lagi pihak yang datang menceroboh dan mencuri

kerang-kerangan yang memerlukan masa pembesaran selama lapan bulan sebelum dapat dituai.

“Berikan kepada kami untuk menjaga dan memelihara kerang-kerang sehingga mencapai saiz yang sesuai untuk dituai sebagai bonus tahunan selepas lapan bulan menanti,” katanya ketika ditemui di jeti nelayan Kampung Tampok Laut di sini.

Tambah Abdul Aziz, saiz kerang yang sesuai untuk dituai sebagaimana dibenarkan oleh Pejabat Perikanan adalah 24 milimeter bagi mengelakkan tuaian belum sampai masanya.

“Pada musim lalu, kami berjaya memasarkan 80 tan kerang bagi kedua-dua saiz A dan B dan nelayan juga mendapat ‘bonus’ anggaran RM10,000 ribu seorang,” ujarnya.



ABDUL Aziz Mohd Nor (kiri) menunjukkan bot-bot milik nelayan ketika ditemui di Jeti Nelayan Tampok Laut, di Benut, Pontian, Johor, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2025	NEW STRAITS TIMES	NEWS	6

PROTECTING LIVELIHOODS

Association wants govt to safeguard fishermen's welfare

KUALA LUMPUR: The National Fishermen's Association of Malaysia has called on the government to prioritise fishermen's welfare in the 2026 Budget.

Its chairman, Abdul Hamid Bahari, said the move was crucial to protect the livelihoods of thousands of fishermen against the rising cost of living and growing operational challenges.

"There is a need for continued and improved government support, particularly in the form of subsidies or incentives that directly provide relief to fishermen."

"We hope that the government

will maintain and enhance subsidies for diesel and petrol, as well as fish landing incentives.

"These are crucial in easing the financial burden on fishermen who rely on increasingly unpredictable marine resources."

He said improving the working conditions was crucial, adding that facilities such as jetties, landing ports and adequate safety equipment must be prioritised.

"Equally important is social

protection for fishermen and their families, including education support for their children.

"The fishermen also need skills training to help them face economic challenges and the impact of climate change."

"With the right support, the

fisheries sector can play a key role in ensuring national food security.

"Ultimately, it's about safeguarding the wellbeing of our fishermen and recognising their contribution to the country," said Hamid.



Supported by the **Malaysian Communications and Multimedia Commission**



The National Fishermen's Association of Malaysia hopes that the government will maintain and enhance subsidies for diesel and petrol, as well as fish landing incentives. (Inset) Abdul Hamid Bahari. NSTP FILE PIX

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2025	HARAKAH	SG4: KELANTAN	12

Pesta Flora Kelantan 2025

Tampil prinsip pertanian lestari, ekonomi hijau dan nilai Islam



Tuan Mohd Saripudin di papan tanda tapak Pesta Flora Kelantan 2025 yang menjadi panduan kepada para pengunjung.

Oleh RIZAL TAHIR

KOTA BHARU: Pesta Flora Kelantan 2025 kembali mencipta pesona tersendiri apabila lebih 700 spesies bunga dan tanaman hiasan menghiasi Taman Perbandaran Tengku Anis, menjadikan lokasi itu lautan warna-warni yang memukau pengunjung sepanjang empat hari penganjurannya bermula 2 hingga 5 Oktober lalu.

Antara tarikan utama pesta tahun ini ialah koleksi orkid luar biasa, lebih 370 spesies dari jenis hibrid moden hingga spesies liar bernilai tinggi yang dibawa khas oleh pengusaha florikultur, pengumpul serta peminat bunga dari seluruh negara.

Suasana pesta bukan sahaja meriah dengan jualan bunga eksotik dan landskap mini, tetapi turut diserikan dengan aktiviti pameran, bengkel hortikultur serta demonstrasi penjagaan tanaman.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pesta flora bukan sekadar ruang pameran bunga tetapi medan strategik untuk memperkuh jaringan antara kerajaan, komuniti, usahawantani dan

institusi pendidikan dalam memperkasa kesedaran terhadap kelestarian biodiversiti.

"Pesta ini menyatukan minat, ilmu dan cinta terhadap flora. Dalam masa yang sama, ia membuka peluang ekonomi baharu kepada pengusaha herba, landskap dan tanaman hiasan untuk menembusi pasaran yang lebih luas," ujarnya ketika merasmikan majlis penutupan Pesta Flora Kelantan 2025.

Menurut beliau, industri florikultur kini bukan lagi sekadar hobi malah telah berkembang menjadi cabang penting dalam sektor agromakanan dan ekonomi hijau dengan potensi besar dalam bidang pelancongan, perubatan tradisional, aromaterapi serta pembangunan taman bandar dan kawasan rekreasi yang memberi impak positif kepada kesejahteraan masyarakat.

"Kelantan dikurniakan kekayaan flora yang menakjubkan, dari hutan simpan tropika hingga tanaman komersial. Namun, keindahan ini hanya akan kekal jika kita bersamasama menjaganya," tegas beliau.

Beliau turut menyeru masyarakat agar tidak hanya menjadi pemerhati tetapi turut berperanan sebagai penjaga



Bunga ros segar dengan warna yang menarik.



Koleksi orkid luar biasa antara yang menjadi tumpuan.

ga biodiversiti dengan terlibat dalam aktiviti penanaman, penyelidikan dan sokongan terhadap produk tempatan berasaskan flora.

Katanya lagi, kerajaan negeri melalui portfolio berkaitan terus menyediakan pelbagai insentif, latihan, ruang pasaran serta promosi agropelancongan bagi memperkuh kedudukan Kelantan sebagai hab florikultur utama Pantai Timur.

"Matlamat kita jelas, membangunkan negeri berasaskan prinsip pertanian lestari, ekonomi hijau dan nilai Islam agar manfaatnya bukan sahaja dirasakan oleh manusia tetapi juga seluruh ekosistem," katanya.

Majlis penutupan turut diarahkan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada pempamer terbaik serta pengumuman pemenang cabutan bertuah sebagai tanda

penghargaan kepada pengunjung yang memberi sokongan padu sepanjang pesta berlangsung.

Turut hadir, Timbalan Exco Pertanian Dato' Shaari Hussein, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Norbani Zakaria, Pengarah FAMA Kelantan, Wan Faizatul Aniza Ismayatim, serta Pengarah PLAN Malaysia Negeri Kelantan, TPr Mazillah Azleen Mat Nor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Oleh MEGAT LUTFI
MEGAT RAHIM
utusannews@mediamulla.com.my

Durian belanda, dari laman rumah ke pasaran komersial

SUNGAI SIPUT: Sepasang suami isteri tidak menyangka pokok durian belanda yang ditanam di sekeliling rumah mereka Kampung Sungai Petai Luar, Changkat Jering, Taiping kini menjadi produk komersial yang terjual di seluruh negara.

Bermula dengan jualan air durian belanda, Amirul Hisyam Abdullah dan Husna Abdul Rahman masing-masing berumur 56 tahun menghasilkan pelbagai produk berasaskan durian belanda seperti jus, teh dan pati durian belanda, minyak urut dan balm atau salap.

Menurut pasangan itu, semuanya bermula lebih 10 tahun lalu apabila mereka menanam kira-kira 60 pokok durian belanda di sekeliling rumah dan pada mulanya mereka hanya menjual air durian belanda yang diproses secara konvensional.

"Kami tidak menyangka permintaan air durian belanda amat memberangsangkan sehingga tidak menang tangan untuk memenuhi permintaan pelanggan.

"Dari situ kami mempelbagaikan produk berasaskan durian belanda seperti seperti jus, teh dan pati durian belanda, minyak urut dan balm atau salap.

"Dengan bantuan pelbagai agensi kerajaan negeri dan Persekutuan, produk berasaskan durian belanda yang kami

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

usahakan itu kini dikomersialkan dan mendapat sambutan menggalakkan," kata mereka ketika ditemui pada karnival Perak Agrofest 2025 di Ladang Infoternak Sungai Siput, di sini baru-baru ini.

Pasangan suami isteri itu menerima bantuan Jabatan Pertanian Perak, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) dan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) melonjakkan perniagaan mereka.

Mereka bukan hanya menerima bantuan berbentuk geran alatan mesin memproses dan melabel tetapi STeP banyak membantu mendapatkan pensijilan halal dan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk pensijilan Makanan Selamat



AMIRUL Hisyam Abdullah dan Husna Abdul Rahman menunjukkan produk berasaskan durian belanda yang mereka hasilkan ketika menyertai karnival Perak Agrofest 2025 di Ladang Infoternak Sungai Siput, Perak, baru-baru ini.

Tanggungjawab Industri atau MeSTI.

"Pensijilan halal dan MeSTI ini amat penting untuk memberi keyakinan kepada pengguna terhadap produk kami selain membantu penyelidikan berterusan meningkatkan kualiti produk," katanya.

Perkembangan ini selaras dengan Niche Daerah Larut,

Matang dan Selama (LMS) sebagai Hab IKS Pintar dengan antara tumpuan utama ialah pertanian.

Selain itu, ia menepati flagship pertama Perak Sejahtera 2030 iaitu Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) dan flagship kelima Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang

Hayat iaitu 1 Keluarga 1 Usahawan cetusan berawasan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad bagi memacu negeri ke arah kemajuan dan mensejahterakan rakyat.

Menurut pasangan itu lagi, STeP memberi ruang kepada mereka untuk terlibat dalam ekspo dan pameran perniagaan di seluruh negara secara berkala.

Kata mereka, STeP membantu secara berterusan menerusi grup WhatsApp dan melakukan kunjungan di premisnya untuk khidmat nasihat berterusan selain kepakaran.

"Inisiatif kerajaan negeri Perak yang membimbing dan membantu usahawan tempatan secara konsisten amat dihargai bagi memastikan kelangsungan perniagaan mereka.

"Kami teruja terhadap hala tuju dan perancangan kerajaan negeri terhadap komuniti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti saya menerusi pelan Perak Sejahtera 2030 hasil pengalaman menyertai pameran-pameran perniagaan besar yang berlangsung di dalam negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Kepuasan berkubang 'menggagau' ikan

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

ARAU: Aktiviti menyerkap atau menangkap ikan selepas musim menuai padi terus menjadi keterujaan dalam kalangan penduduk khususnya kanak-kanak di kampung yang rancak berkubang 'menggagau' ikan.

Menjadi kepuasan kepada mereka apabila pulang ke rumah membawa pulang hasil tangkapan yang banyak antaranya seperti ikan haruan, puyu dan sepat.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Kampung Bakong di sini semalam menyaksikan ramai dalam kalangan kanak-kanak begitu teruja menyertai aktiviti menyerkap ikan tersebut.

Mereka tidak kisah berkubang di dalam selut mencuba nasib 'menggagau' ikan dengan guni yang dibawa penuh dengan hasil tangkapan.

Meskipun dalam zaman serba moden, aktiviti tersebut sudah semakin dilupakan, namun bagi penduduk di kawasan itu, ia tetap menjadi rutin tahunan bagi mereka.

Putera Haziq Shah Putera Abu Bakar Shah, 17, berkata, dia masih meneruskan aktiviti menyerkap ikan meskipun ramai rakan sebaya sudah tidak ber-



SEKUMPULAN kanak-kanak berkubang di dalam selut 'menggagau' ikan yang menjadi rutin tahunan setiap kali selepas musim menuai padi di Kampung Bakong, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

minat dengan aktiviti tersebut.

Dia selalunya akan mengikut aktiviti membajak di sawah-sawah padi sekitar kawasan rumahnya dan menuruti di belakang traktor untuk menyerkap ikan.

"Setiap kali selepas musim menuai padi, saya bersama rakan-rakan tidak akan melepaskan peluang melakukan aktiviti menyerkap ikan ini.

"Sepanjang melakukan aktiviti serkap ikan ini, saya tidak pernah saya pulang dengan

tangan kosong. Ada sahaja ikan yang dibawa pulang ke rumah dan ia menjadi satu kepuasan," katanya.

Katanya lagi, aktiviti serkap ikan khususnya di negeri ini masih rancak dengan kanak-kanak juga masih meneruskan tradisi berkenaan.

"Kanak-kanak ini tidak kisah 'berkotor' atau berlumpur bagi melakukan aktiviti menyerkap ikan ini dan ia sesuatu aktiviti yang cukup menyeronokkan," tambahnya.